

Imbangi keperluan dua pihak

BMH 31 AUG 1993

Oleh Mutazar Abd Ghani

KUCHING, Isnin — Rakyat sesebuah negeri di negara ini akan menikmati banyak faedah pembangunan apabila negeri itu diperintah secara 'lurus' dengan mengimbangi kepentingan negeri dan negara, serta mempunyai hubungan rapat dengan Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, berkata sebaliknya, rakyat akan mengalami kerugian apabila pemerintahannya hanya menumpukan kepada kepentingan negeri saja, tanpa mengambil kira kepentingan negara.

Katanya, sebagai contoh, Sarawak yang mempunyai pemimpin jati di peringkat Pusat dan pemimpin negeri yang dinamik, membolehkan rakyatnya menikmati pelbagai nikmat pembangunan.

Beliau berkata, wawasan untuk membangunkan Bumi Kenyalang sebagai kuasa ekonomi dan perdagangan di negara ini yang berlandaskan program pembangunan bernas lagi menyeluruh, akan memastikan setiap kaum dan lapisan masyarakat Sarawak menikmati faedah serta kebaikan dalam mencapai taraf hidup yang tinggi.

"Kestabilan politik serta dasar politik pembangunan yang diamalkan Kerajaan Sarawak juga berjaya mewujudkan keadaan yang sesuai bagi pelabur serta gergasi perniagaan untuk menanam modal di sini.

"Saya gembira apabila dimaklumkan bahawa kawasan perindustrian baru di Sejingkat, Kuching, mempunyai banyak kilang perindustrian milik pelabur dari dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap merasmikan bangunan baru Dewan Bandaraya Kuching Utara dekat sini, petang ini. Turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri-Menteri Kabinet Pusat dan Negeri.

Bangunan baru berharga RM60 juta yang terletak 60 meter dari paras laut itu adalah mercu tanda kejayaan Bandar Raya Kuching yang sudah memasuki era pembangunan pesat, selain melambangkan keazaman menjadikan Kuching sebagai sebuah 'metropolitan moden'.

Antara lain bangunan itu menempatkan pejabat DBKU, Muzium Kuching, Pejabat Datuk Bandar dan ruang pejabat khas

untuk Ketua Menteri.

Mengenai pembangunan Kuching, Perdana Menteri berkata, sejak dinaikkan taraf sebagai bandar raya lima tahun lalu, ia mencatat pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang seperti infrastruktur, perdagangan, perindustrian dan kebudayaan, serta menjadi kebanggaan setiap rakyat Sarawak khasnya dan Malaysia amnya.

Katanya, semua ini dapat dicapai dengan adanya program pembangunan kerajaan negeri yang terperinci dan rapi, serta wujudnya kepemimpinan berwibawa seperti Ketua Menteri.

"Saya yakin dengan adanya kestabilan politik serta kehidupan harmoni di Bumi Kenyalang yang berbilang kaum ini, Bandar Raya Kuching akan menjadi satu daripada pintu gerbang utama bagi pelaburan serta penanaman modal yang besar dari dalam dan luar negara.

"Selain itu, selaras dengan perkembangan pesat perindustrian ketika ini, Kuching juga boleh memainkan fungsi penting sebagai mangkin kepada perkembangan dan pertumbuhan bidang itu," katanya.